

14 OCT 1999

Sukan-F1 (Previu)

PERTARUNGAN SENGIT PADA GRAND PRIX MALAYSIA AHAD INI

Oleh: David Chelliah

SEPANG, 14 Okt (Bernama) -- Walaupun pasukan McLaren Mercedes dapat meraih kedua-dua anugerah pemandu dan pengeluar pada Grand Prix F1 Malaysia Petronas yang pertama hujung minggu ini, namun pencabar terdekatnya Scuderia Ferrari pasti akan memberikan saingan paling sengit.

Sekiranya McLaren memenangi perlumbaan di litar lumba Sepang, perlumbaan F1 yang terakhir di Suzuka, Jepun, pada 31 Okt akan hanya dilihat sebagai pelengkap siri grand prix F1 dunia.

Bagaimanapun, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pertarungan itu akan berlarutan sehingga ke Suzuka, perlumbaan F1 yang terakhir untuk abad ini.

Juara dunia Mika Hakkinen dari McLaren sedang mendahului persaingan untuk anugerah pemandu dengan 62 mata, diikuti oleh Eddie Irvine dari pasukan Ferrari dengan 60 mata.

Satu pertarungan sengit sudah pasti berlaku di antara Hakkinen dan Irvine, yang di antara mereka telah memenangi separuh daripada perlumbaan musim ini dan kini memasuki pusingan ke-15 di Sepang.

Hakkinen akan mengekalkan kejuaraan dunia jika dia menang di Sepang dan Irvine menamatkan perlumbaan tidak lebih dari tempat kelima.

Bagi Irvine dan pasukan Ferrari dari Itali, ia sudah tentu satu misi yang amat penting dalam usaha mereka untuk merampas kejuaraan anugerah pemandu dan pengeluar dari pasukan McLaren.

Ferrari mengekori pendahulu McLaren dengan lapan mata dalam kategori pengeluar.

"Tidak mungkin saya atau Hakkinen mahu menjejaskan peluang kami. Saya mempunyai peluang terbaik untuk mencapai kemenangan," kata Irvine, 34, yang akan berpindah ke pasukan Jaguar untuk musim akan datang.

Kemunculan semula bekas juara dunia sebanyak dua kali Michael Schumacher dari Ferrari telah menambahkan daya tarikan kepada perlumbaan itu, tetapi peranannya hanya untuk membantu Irvine memenangi kejuaraan pemandu.

Schumacher, 30, yang terkeluar daripada persaingan dengan hanya 32 mata, akan bertindak sebagai penentu rentak bagi Irvine.

"Saya mahu mendapat mata penuh untuk pasukan dan sekiranya saya berada di hadapan, saya akan membenarkan Irvine memotong kereta saya," kata Schumacher, yang tidak dapat menyertai enam perlumbaan grand prix setelah patah kaki di Grand Prix Britain di Silverstone pada 11 Julai.

Jika Schumacher dapat beraksi cemerlang, dia akan cuba menggagalkan Hakkinen pada litar lumba Sepang sejauh 5.542km yang penuh mencabar itu.

Bagi Irvine, dia berazam untuk merampas semula kedudukan tempat pertama dan mendapatkan sebanyak mungkin mata untuk bekalan ke Suzuka.

Bagi Ferrari, Irvine adalah pemandu nombor satu, menggantikan Schumacher buat masa ini, dan untuk menunjukkan bahawa mereka serius dalam persiapan mereka pasukan itu telah membawa kesemua empat kereta terbaik -- Ferrari F399 V10 ke Sepang.

Pengurus besar Ferrari Jean Todt berkata prestasi kereta itu telah dipertingkatkan dan ia lebih kompetitif sekarang.

Bagaimanapun, bagi McLaren, enjin MP4/14-Mercedes V10 mereka dikatakan enjin paling berkuasa di antara 11 pasukan yang beraksi dalam F1.

Bagi Hakkinen, kepakarannya adalah di jalan lurus dan litar lumba Sepang menyediakan kelebihan seperti itu.

David Coulthard dari McLaren, yang menduduki tempat keempat dengan 48

mata, sudah pasti berusaha membantu rakan sepasukan, Hakkinen mencapai impian meraih kejuaraannya yang kedua berturut-turut.

Dengan tumpuan kepada Hakkinen dan Irvine, pemandu lain mungkin membuat kejutan untuk menjulang kejuaraan Grand Prix Malaysia.

Johnny Herbert dari Stewart Ford, Heinz Harald Frentzen dari Jordan Mugen-Honda dan Ralf Schumacher dari Williams Supertec tidak boleh diperkecilkan dan mampu membuat kejutan.

Pasukan Sauber-Petronas yang membariskan Jean Alesi dan Pedro Diniz juga sudah pasti mahu mempamerkan aksi terbaik untuk penonton tempatan.

Ujian latihan akan diadakan esok sebelum ujian rasmi pada Sabtu untuk menentukan kedudukan petak. Perlumbaan sebenar akan berlangsung sebanyak 56 pusingan dan bermula pada pukul 2 petang Ahad.

Selain perlumbaan F1, beberapa acara sampingan seperti Silverstone MBM-Zaifa Challenge dan Proton Production Challenge akan diadakan sebagai pembuka tirai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penggerak utama bagi Grand Prix Malaysia, akan melancarkan upacara perasmian pada pukul 11.30 pagi Ahad.

Kedudukan senarai pemandu:

1. Mika Hakkinen (McLaren Mercedes) 62 mata
2. Eddie Irvine (Ferrari) 60
3. Heinz-Harald Frentzen (Jordan Mugen-Honda) 50
4. David Coulthard (McLaren Mercedes) 48
5. Ralf Schumacher (Williams Supertec) 33
6. Michael Schumacher (Ferrari) 32
7. Ruben Barichello (Stewart Ford) 19
8. Giancarlo Fisichella (Bennetton Playlife) 13
9. Johnny Herbert (Stewart Ford) 12
10. Mika Salo (Ferrari) 10
11. Damon Hill (Jordan Mugen-Honda) 7
12. Jarno Trulli (Prost Peugeot) 7
13. Alexander Wurz (Bennetton Playlife) 3
14. Pedro Diniz (Sauber Petronas) 3
15. Olivier Panis (Prost Peugeot) 2
16. Jean Alesi (Sauber Petronas) 1
17. Pedro de la Rosa (Prost Peugeot) 1
18. Marc Gene (Minardi Ford) 1

Kedudukan senarai pengeluar:

1. McLaren Mercedes 110 mata
2. Ferrari 102
3. Jordan Mugen-Honda 57
4. Williams Supertec 33
5. Stewart Ford 31
6. Benetton Playlife 16
7. Prost Peugeot 9
8. Sauber Petronas 4
9. Arrows TWR 1
10. Minardi Ford 1

-- BERNAMA
DC AKD